

06/06/1998

Muhamad perlu isytihar harta: PM

Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memastikan sama ada Tan Sri Muhamad Muhd Taib telah mengisytiharkan kepadanya harta bekas Menteri Besar Selangor itu di Australia.

"Saya mahu pastikan dahulu sama ada harta yang beliau sebutkan di Australia telahpun diisytiharkan."

"Yang menimbulkan persoalan sekarang bukannya tidak mengisytiharkannya sekarang, ia adalah soal sama ada anda mempunyai harta sejumlah itu dan mengisytiharkannya," kata Perdana Menteri sekembalinya dari lawatan kerja lima hari ke Jepun di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kedudukan Muhammad, yang dibebaskan oleh Mahkamah Daerah Brisbane daripada tuduhan membuat perisytiharan palsu memiliki RM20,000 ketika memasuki Australia dan kegagalan membuat laporan membawa keluar mata wang asing yang nilainya lebih A\$1.2 juta pada Disember 1996.

Mengenai keputusan Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan Umno supaya Muhammad mengisytiharkan hartanya kepada presiden parti, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menyatakan ia adalah isu lain.

"Satu ialah mengisytiharkan harta kepada Perdana Menteri. Presiden parti tidak meminta supaya harta diisytiharkan kepadanya," kata Dr Mahathir.

Menurutnya, semua menteri dan menteri besar mesti mengisytiharkan harta mereka kepada Perdana Menteri setiap dua tahun sekali apabila ada pertambahan atau perubahan.

Ditanya sama ada Muhammad sudah mengisytiharkan asetnya di Australia sebelum ini, Dr Mahathir menjelaskan, beliau tidak berapa ingat kerana ia dibuat dua tahun lalu.

"Mungkin dia (Muhammad) sudah berbuat demikian kerana saya tidak menyemak semuanya. Saya cuba menyemak sepintas lalu bagi memastikan borang perisytiharan itu diisi dengan betul dan tiada apa yang luar biasa mengenainya," kata Perdana Menteri.

Mengenai sama ada bekas Menteri Besar Selangor itu sudah membuat perisytiharan selepas kesnya, Dr Mahathir berkata beliau tidak menerima apa-apa perisytiharan.

(END)